

**CITRA DAN PENGARUH BUDAYA DALAM
ANTUKA MASYARAKAT IRANUN
DI DAERAH KOTA BELUD**



**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

**CITRA DAN PENGARUH BUDAYA DALAM
ANTUKA MASYARAKAT IRANUN
DI DAERAH KOTA BELUD**

DG UZIAH BINTI HARAPAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

_____IJAZAH : _____

_____SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya.

27 Februari 2018

Dg Uziah Binti Harapan
MA1511001T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : **DG UZIAH BINTI HARAPAN**
NO. MATRIK : **MA1511001T**
TAJUK : **CITRA DAN PENGARUH BUDAYA DALAM ANTUKA
MASYARAKAT IRANUN DI DAERAH KOTA BELUD**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**
TARIKH VIVA : **24 MEI 2019**

DISAHKAN OLEH

Tandatangan

PENYELIA

PROF. MADYA DR. ASMIATY AMAT




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia yang dikasihi, Profesor Madya Dr Asmiaty Amat. Tidak dilupakan buat Dr Lokman Abdul Samad atas segala nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan. Mereka sangat memahami keadaan serta kesihatan saya sepanjang tempoh penyelidikan dan penulisan yang dilaksanakan. Semoga Allah membala segala jasa baik mereka. Tidak lupa kepada semua tenaga akademik dan bukan akademik Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Buat warga Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS yang tidak jemu memberi bantuan dan penerangan kepada saya sepanjang saya menghasilkan kajian ini, terima kasih tidak terhingga.


 Sekalung rasa kasih buat keluarga tercinta yang tidak jemu memberi dorongan dan sokongan dari pelbagai aspek. Buat bonda, Puan Kaseh Binti Andalan dan ayahanda tercinta Harapan Bin Hj Karim, terima kasih sentiasa berada di sisi. Adik-beradik dan ipar duai yang sangat baik hati, tanpa bantuan mereka sukarlah saya menyiapkan kajian ini. Buat insan yang sentiasa bersama dalam keadaan payah dan sukar sepanjang melakukan kajian ini, Alganafi Bin Sabanah terima kasih sentiasa menawarkan bantuan dan pertolongan. Semoga Allah membala segala kebaikan kalian.

Syukur kepada Allah S.W.T, dengan izinNya jualah saya berjaya menyempurnakan Projek Sarjana ini.

Dg Uziah Binti Harapan
17 September 2019

ABSTRAK

Masyarakat Iranun memiliki puisi lisan tersendiri, termasuklah teka-teki yang dikenali sebagai *antuka*. *Antuka* hanya dianggap sebagai bahan atau medium hiburan untuk mengisi masa lapang tanpa disedari bahawa intipati *antuka* mengandungi nilai-nilai budaya yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Iranun. Oleh yang demikian, nilai yang terkandung dalam *antuka* diperhatikan dan dikaitkan dengan aktiviti masyarakat ini. Kajian terhadap teka-teki masyarakat Iranun dan budaya benda banyak dilakukan namun belum pernah dikaji secara terperinci sedangkan *antuka* turut memaparkan gambaran citra masyarakat. Objektif kajian dilakukan bagi mendokumentasikan dan menganalisis bentuk dan tema *antuka* Iranun, mengenalpasti fungsi *antuka* dan menganalisis citra dan pengaruh budaya dalam *antuka*. Kajian secara lapangan ini telah mendokumentasikan sebanyak 116 buah *antuka* di beberapa buah kampung di daerah Kota Belud, Sabah. Teori Fenomenologi Husserk yang mengenal pasti tingkah laku sosial masyarakat digunakan untuk menganalisis *antuka*. Dapatan kajian ini telah mengenal pasti bentuk *antuka* seperti disitkhon, terzina dan quatrins. Tema *antuka* terdiri daripada anatomi manusia, peralatan harian, flora dan fauna, alam sekitar, makanan dan minuman serta perlakuan semulajadi dan aktiviti harian manusia. Fungsi *antuka* diperolehi seperti menguji minda, hiburan, interaksi, didaktik. *Antuka* sebagai puisi rakyat mengetangahkan citra jati diri Iranun yang dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Iranun sendiri. Kajian ini dilakukan agar *antuka* terus dikenali serta meningkatkan jumlah penyelidik daripada kalangan Iranun sendiri.



UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

IMAGE AND CULTURE INFLUENCE OF RIDDLE AMONG THE COMMUNITY OF IRANUN AT KOTA BELUD'S DISTRICT

The Iranun community has its own oral poetry, including a riddle known as antuka . Antuka is only considered as a substance or entertainment medium to fill the free time without knowing that the essence of antuka contains cultural values that are closely related to the life of the Iranun community. As such, the values contained in the antuka are observed and linked to the activities of this society. The study of the riddle of the Iranun society and the culture of the objects is much done but has never been studied in detail while the antuka also illustrates the image of the community. The research objective is for the documentation and analyze the theme of antuka Iranun. Besides, to identify the function of the antuka and analyze the imagery and culture of antuka. This field study has documented 116 antuka in several villages in Kota Belud, Sabah. The Husserk Phenomenology theory that identifies the social behavior of society is used to analyze antuka. The findings of this study have identified the forms of antuka such as disitkhon, terzina and quatrins. Antuka's theme consists of human anatomy, daily tools, flora and fauna, environment, food and beverages, natural treatment and daily activities of human. Some antuka functions are acquired such as testing the mind, entertainment, interaction and didactic. Antuka as a poem of the people highlights the image of the identity of Iranun associated with the life of the Iranun people themselves. This study was conducted to keep the anticipation known as well as to increase the number of researchers among Iranun society themselves.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
DAFTAR ISTILAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	2
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Soalan Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	4
1.7 Metodologi/ Kaedah Penyelidikan	5
1.8 Kerangka Teoritikal	6
1.9 Lokasi Kajian	9
1.10 Skop Kajian	11
1.11 Kesimpulan	11

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	12
2.2 Sejarah dan Kedatangan di Sabah	12
2.3 Penempatan di Sabah dan Aktiviti Masyarakat Iranun	15
2.4 Lokasi dan Kegiatan Ekonomi	16
2.5 Kajian Teka-Teki	17
2.6 Definisi Citra dan Budaya	26
2.6 Kesimpulan	27

BAB 3: DOKUMENTASI ANTUKA IRANUN

3.1 Pengenalan	28
3.2 Proses Pengumpulan Data	28
3.3 Dokumentasi dan Terjemahan	31
3.4 Bentuk-Bentuk Antuka	47
3.5 Kesimpulan	54

**BAB 4: TEMA DAN PERLAMBANGAN NILAI BUDAYA DI
DALAM ANTUKA DENGAN KEHIDUPAN MASYARAKAT
IRANUN**

4.1 Pengenalan	55
4.2 Tema Anatomi Manusia	56
4.3 Tema Peralatan Harian	57
4.4 Tema Flora (Tumbuhan)	62
4.5 Tema Fauna (Haiwan)	65
4.6 Tema Alam Sekitar	67
4.7 Tema Perlakuan Semula Jadi dan Aktiviti Harian Manusia	69
4.8 Tema Makanan dan Minuman	73
4.9 Kesimpulan	75

BAB 5: FUNGSI ANTUKA

5.1 Pengenalan	76
5.2 Hiburan	76
5.3 Menguji Minda	78
5.4 Interaksi	80
5.5 Didaktik	80
5.6 Citra Jati Diri Iranun	81
5.7 Kesimpulan	84

**BAB 6: RUMUSAN
BIBLIOGRAFI
LAMPIRAN**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 Senarai informan di daerah Kota Belud	29
Jadual 3.2 Bentuk Disitkhon dalam <i>antuka</i>	47
Jadual 3.3 Bentuk Terzina dalam <i>antuka</i>	48
Jadual 3.4 Bentuk Quatrin dalam <i>antuka</i>	49
Jadual 3.5 Bentuk soalan dalam <i>antuka</i>	50
Jadual 3.6 Bentuk soalan yang mengetengahkan perbuatan manusia	51
Jadual 3.7 Bentuk soalan yang mengaitkan dengan tumbuhan	51
Jadual 3.8 Bentuk soalan yang merujuk kepada perbuatan manusia	52
Jadual 3.9 Bentuk soalan yang mengetengahkan perbuatan haiwan	52
Jadual 3.10 Bentuk sebuah sajak dan cerita dalam <i>antuka</i>	53
Jadual 4.1 <i>Antuka</i> menggunakan anatomi manusia	56
Jadual 4.2 Jawapan <i>antuka</i> yang bertemakan anatomi manusia	57
Jadual 4.3 <i>Antuka</i> bertemakan peralatan harian	58
Jadual 4.4 Jawapan <i>antuka</i> yang bertemakan peralatan harian	58
Jadual 4.5 <i>Antuka</i> menggunakan tema flora/ tumbuhan	62
Jadual 4.6 Jawapan <i>antuka</i> yang bertemakan flora/tumbuhan	64
Jadual 4.7 <i>Antuka</i> bertemakan fauna/haiwan	65
Jadual 4.8 <i>Antuka</i> menggunakan tema fauna/haiwan	65
Jadual 4.9 Jawapan <i>antuka</i> yang bertemakan fauna/haiwan	66
Jadual 4.10 <i>Antuka</i> yang menggunakan tema alam sekitar	67
Jadual 4.11 <i>Antuka</i> yang menggunakan tema alam sekitar	68
Jadual 4.12 Jawapan <i>antuka</i> yang bertemakan alam sekitar	68
Jadual 4.13 <i>Antuka</i> bertemakan perlakuan semulajadi dan aktiviti harian manusia	69

Jadual 4.14 <i>Antuka</i> yang menggunakan tema berulang-ulang	70
Jadual 4.15 Jawapan <i>antuka</i> yang bertemakan perlakuan semulajadi dan Aktiviti harian manusia	70
Jadual 4.16 <i>Antuka</i> bertemakan makanan dan minuman	74
Jadual 4.17 Jawapan <i>antuka</i> yang bertemakan makanan dan minuman	74
Jadual 4.18 <i>Antuka</i> berunsur humor	78
Jadual 4.19 <i>Antuka</i> berfungsi sebagai menguji minda	79
Jadual 4.20 <i>Antuka</i> berfungsi sebagai didaktik	81
Jadual 4.21 <i>Antuka</i> berfungsi sebagai citra jati diri Iranun	81
Jadual 6.1 Pengelasan <i>antuka</i> berdasarkan tema, fungsi serta perlambangan	86



SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 4.1	<i>Obor -obor</i> melambangkan status Syarif (a) <i>Obor-obor</i> melambangkan status Datu (b)	60
Rajah 4.2	(a), (b) menunjukkan contoh kain dastar/ <i>tubau</i>	61
Rajah 4.3	(a), (b) menunjukkan gambar <i>sikut</i>	61
Rajah 4.4	(a), (b), (c) menunjukkan <i>payung</i> di tanah perkuburan Suku kaum Iranun	63
Rajah 4.5	(a), (b) menunjukkan permainan <i>suki</i>	72
Rajah 4.6	(a), (b) menunjukkan gambar <i>bangkai-bangkaian</i> orang meninggal	73
Rajah 4.7	(a), (b) menunjukkan gambar kuih <i>amik</i> atau penjaram	75
Rajah 4.8	(a), (b), (c) menunjukkan gambar <i>dempas liaupan</i>	83
Rajah 4.9	(a), (b), (c) menunjukkan gambar baju <i>sinipak</i> masyarakat Iranun	83



UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH

DAFTAR ISTILAH

- | | |
|-----------------------------|---|
| <i>Antuka</i> | - teka-teki |
| <i>Obor-obor</i> | - sejenis payung tradisional untuk kematian dan perkahwinan |
| <i>Tubau</i> | - kain dastar |
| <i>Aulen</i> | - alat menenun kain dastar |
| <i>Sikut</i> | - hadiah perkahwinan |
| <i>Dempas liaupan</i> | - tikar bercorak |
| <i>Dempas piamarabuatan</i> | - tikar yang telah diubah |
| <i>Luna</i> | - bantal |
| <i>Tudung</i> | - tudung saji |
| <i>Payung</i> | - sejenis payung tradisi khas untuk majlis Perkahwinan dan kematian |
| <i>Bakawaya</i> | - sejenis buluh |
| <i>Tabu</i> | - alat untuk menandakan kematian |
| <i>Baluh</i> | - <i>gong</i> |
| <i>Tunggu</i> | - menjaga kubur |
| <i>Sukian</i> | - permainan tradisi semasa <i>tunggu</i> di kuburan |
| <i>Bangkai-bangkaian</i> | - penggialan barang-barang si mati |
| <i>Sinipak</i> | - baju tradisional Iranun |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


SENARAI LAMPIRAN

Halaman

Lampiran A

Senarai Informan

96



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Masyarakat Iranun memiliki puisi rakyat seperti syair, bayuk dan deragen. *Antuka* atau teka-teki merupakan salah satu puisi rakyat yang masih wujud dalam kalangan masyarakat Iranun. Puisi rakyat ini berperanan penting dalam sistem jalinan komunikasi antara masyarakat pada zaman dahulu. *Antuka* digunakan sebagai medium untuk memperoleh ilmu maupun mengetahui tentang sesuatu hal yang disampaikan oleh si penutur *antuka*. Hakikatnya, *antuka* adalah manifestasi hasil ekspresi masyarakat yang melahirkannya.

Pada masa dahulu, *antuka* sebenarnya adalah alat untuk menghiburkan masyarakat khususnya masyarakat Iranun yang kebanyakan bekerja sebagai petani dan nelayan. Golongan yang penat bekerja ini duduk di serambi rumah sambil mendengar *antuka* yang diajukan oleh ahli keluarga.

Antuka akhirnya berkembang daripada satu generasi ke generasi yang lain. Walaupun masyarakat berhadapan dengan kemajuan dan perubahan pemikiran masyarakat, citarasa dan minat tidak sama sekali menenggelamkan warisan budaya Iranun kerana mereka percaya *antuka* maupun tradisi suku kaum mereka perlu dikekalkan.

Antuka yang dikuasai oleh sesetangah orang memberikan gambaran dan berkait rapat dengan kehidupan atau kebudayaan masyarakat tersebut. Hal ini dapat dikesan melalui tema *antuka* dan nilai budaya yang diamalkan bertujuan untuk menerapkan pengajaran kepada masyarakat.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masyarakat Iranun merupakan etnik minoriti Sabah yang didaftarkan sebagai *Illanun* dalam mana-mana daftar rekod kerajaan. Namun, sejak bulan Februari 1988, kerajaan Negeri telah bersetuju menggantikan istilah *Illanun* kepada istilah yang lebih tepat, iaitu Iranun (Jabatan Muzium Sabah, 1988: 2) Sejak penukaran identifikasi Illanun kepada Iranun, berlaku perubahan citra yang lebih positif dalam merujuk masyarakat terbabit sesuai dengan peranan dan sumbangan mereka dalam pembinaan tamadun awal masyarakat peribumi sabah (Lokmad Abdul Samad, 2012)

Iranun di Sabah membuat petempatan di Tempasuk, Kota Marudu, Kudat dan Tuaran di bahagian pantai barat dan Lahad Datu di pantai timur Sabah (Pugh Kitingan, 2004: 169). Bermula dari petempatan awal inilah masyarakat Iranun tersebar luas di Sabah mengikut arus perubahan modenisasi dan sosialisasi melalui perkahwinan dengan kaum lain. Bahasa Iranun merupakan sebahagian daripada subkelompok bahasa yang disebut “*Bahasa Danao*”, yang dituturkan di wilayah Selatan Filipina seperti Lanao, Ilanun (Ilanum atau Iranun), Maranao dan Magindanao.

Bancian pada tahun 2010 menunjukkan jumlah etnik Iranun di Sabah terdiri daripada 1,000,000-1,500,000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010 : 137-140). Pada keseluruhannya, masyarakat Iranun menganut agama Islam dan pada masa yang sama mengamalkan adat resam dan pantang larang dalam kehidupan harian.


1.3 PERNYATAAN MASALAH

Perkembangan manusia dari segi cara hidup dan pemikiran mereka memberi kesan kepada pelbagai perkara. Hal ini turut dapat dilihat di dalam isu kesusasteraan atau amalan budaya sesuatu kaum. Nilai kesusasteraan sudah pasti akan berkubur apabila kesedaran terhadap pentingnya warisan dan budaya merosot dan dibelakangi.

Lazimnya, *antuka* hanya dianggap sebagai bahan atau medium hiburan untuk mengisi masa lapang bagi masyarakat Iranun tanpa mereka sedari bahawa

intipati *antuka* mengandungi citra budaya yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Iranun sendiri (OKK Hj Masrin bin Hj Asin, 64). Oleh hal yang demikian, khazanah lisan yang terkandung dalam *antuka* perlu diperhatikan dan dikaitkan dengan aktiviti masyarakat tersebut.

Pada dasarnya, kandungan pernyataan dan jawapan *antuka* memiliki intipati yang unik. Sungguhpun teka-teki masyarakat ini hampir sama atau mirip kepada teka-teki Melayu namun kajian terhadap *antuka* perlu diperincikan memandangkan teka-teki ini disampaikan dalam Bahasa Iranun. Pendokumentasian dan pengelompokan tema dan bentuk perlu dilaksanakan bagi melihat kebersamaan atau perbezaan teka-teki Melayu dengan *antuka* Iranun. Pengelompokan tema berdasarkan soalan dan jawapan *antuka* juga perlu dilakukan bagi melihat pengaruh latar belakang dan fokus masyarakat tersebut. Seiring dengan itu, nilai dan pengaruh persekitaran atau identiti masyarakat dapat dikenal pasti samada ia benar wujud atau setakat sebuah hipotesis atau andaian semata-mata.



Kajian ini perlu bagi meneliti citra dan nilai budaya masyarakat Iranun yang terkandung dalam *antuka*. Kepercayaan yang sudah pasti menjadi panduan dan tauladan kepada masyarakat Iranun dalam meneruskan kehidupan mereka dapat dianalisis melalui *antuka*. Perlambangan-perlambangan yang terdapat dalam kandungan *antuka* mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan kehidupan masyarakat Iranun. Pada masa kini, kebanyakkan tukang *antuka* yang menuturkan *antuka* hanya diwarisi daripada nenek moyang tanpa mengetahui kandungan *antuka* yang mengandungi jati diri masyarakat Iranun yang sebenar.

Jika sebelum ini jawapan-jawapan *antuka* hanya dianggap sebagai bahan gurauan, selepas ini simbol-simbol yang terdapat dalam *antuka* ditonjolkan sebagai unsur-unsur kepercayaan dan lambang budaya masyarakat Iranun hasil peninggalan nenek moyang yang terdahulu. Donn V Hart (1964) turut menjelaskan pemilihan subjek di dalam teka-teki dipengaruhi oleh sistem nilai sesebuah masyarakat. Sistem nilai terdiri daripada nilai positif dan nilai negatif diketepikan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang dikenal pasti, iaitu:

1. Mendokumentasi dan menganalisis bentuk dan tema *antuka* Iranun.
2. Mengenalpasti fungsi *antuka* dalam masyarakat Iranun.
3. Menganalisis citra dan pengaruh budaya dalam *antuka*.

1.5 SOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan dalam kajian ini, iaitu;

1. Apakah bentuk dan tema *antuka* Iranun?
2. Bagaimanakah fungsi *antuka* Iranun?
3. Adakah citra dan pengaruh budaya dalam *antuka* ?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Menurut Archer Taylor (1983), seorang pengkaji teka-teki Barat, kerja lapangan mengumpul teka-teki adalah satu daripada tugas mustahak dalam penyelidikan teka-teki (Kaivola-Brengenholt, 2001: 34). Hal ini disebabkan ada kemungkinan terdapat pendukung aktif yang meninggal dunia tanpa meninggalkan bahan tradisi lisan yang diketahuinya kepada sesiapapun. Lebih-lebih lagi pada zaman teknologi maklumat ini, kebanyakan anggota masyarakat sudah kurang berminat terhadap bahan tradisi lisan.

Di samping itu, kajian ini juga sangat penting agar *antuka* terus dikenali oleh masyarakat lain selain daripada masyarakat Iranun sendiri. Jika sebelum ini, masyarakat di Malaysia hanya mengenali teka-teki daripada masyarakat Melayu. Namun dengan adanya kajian ini, masyarakat lain dapat mengetahui bahawa masyarakat Iranun juga mempunyai *antuka* yang memiliki keindahan bahasanya tersendiri.

Antuka merupakan kesusasteraan lisan yang dimiliki oleh suku kaum Iranun. Keunikkan masyarakat Iranun yang dapat dilihat dalam tradisi dan amalan warisannya suatu perkara yang perlu ditekankan.

Pengkaji juga menjalankan kajian ini sebagai dorongan meningkatkan jumlah penyelidik yang terdiri daripada kalangan masyarakat yang dikaji. Kekurangan penyelidik dalam kalangan masyarakat ini sendiri akan membantutkan usaha memperkenalkan adat warisan masyarakat Iranun kepada masyarakat luar.

Selain itu, kajian ini menanamkan rasa kecintaan dan menghargai seni budaya ke dalam diri generasi muda khususnya generasi muda masyarakat Iranun sendiri. Ia juga akan memberi pendedahan kepada pelajar tidak kira peringkat pengajian untuk mengenali dan memahami dengan lebih dekat berkenaan *antuka*. Hasil kajian juga akan meningkatkan pengetahuan tentang suku kaum Iranun di negeri ini serta penyaluran maklumat kepada orang ramai tentang keunikkan masyarakat ini yang masih mengekalkan seni warisan mereka. Kajian boleh dijadikan dalam bentuk modul untuk bacaan terutama dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dalam masyarakat.

1.7 KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian penyelidikan ini bersifat kualitatif dan kerja lapangan yang melibatkan pengumpulan *antuka* melalui tembusan, rakaman audio dan penganalisisan data.

1.7.1 Tembusan

Pengkaji menyediakan beberapa soalan untuk dikemukakan kepada informan yang dipilih. Kaedah temu bual secara langsung dengan beberapa informan terpilih dan memberi maklumat yang tepat. Seramai 14 orang dipilih bertujuan memastikan setiap maklumat yang diperoleh itu mempunyai kaitan dengan bahan kajian dan membantu menambah maklumat terhadap kajian. Informan yang dikenal pasti dan yang telah ditemui ialah Pinjaman Bin Hasin, Hj Kapok Bin Hassan, Haji Tiardek Bin Yusof, Okk Hj Masrin, Abdul Naddin Shaidin, Datu Adik Bin Datu Dhani, Datu Tumai Bin Datu Lipi, Cikgu Ismail Bin Siddik, Cikgu Milus Bin Abd Wahab, Alganafi Bin Hj Sabanah Puan Udah Binti Datu Dawat, Puan Amas Tampawan Binti Datu Hj Ariffin, Puan Masmun Binti Datu Hj Ariffin, Sapilin Bin Eli dan Puan Amas Gunawan Binti Hj Ariffin.

1.7.2 Mencatat dan merakam

Penyelidik akan menggunakan kaedah mencatat dan juga merakam semasa menjalankan kajian. Proses rakaman akan melibatkan secara audio dan visual. Berdasarkan kaedah ini, dapat memudahkan pengkaji menyimpan dan merakam segala data yang diperoleh untuk dijadikan bahan rujukan.

1.7.3 Kaedah perpustakaan

Kaedah ke perpustakaan bagi memperolehi sumber sekunder sebagai bahan rujukan seperti buku, jurnal, tesis, risalah dan sebagainya yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian.

Perpustakaan yang digunakan untuk mendapatkan sumber-sumber tersebut ialah Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Daerah Kota Belud, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Arkib Negeri dan Perpustakaan Awam Negari Sabah.

1.8 KERANGKA TEORITIKAL

Teori digandingkan dengan kajian lapangan untuk mendapatkan hasil penyelidikan secara berkesan, teori Fenomenologi menjadi landasan utama untuk melaksanakan apresiasi bahan kajian untuk mengeluarkan nilai budaya dalam *antuka* masyarakat Iranun Kota Belud.

1.8.1 Perkembangan Fenomenologi

Teori Fenomenologi berkembang di Jerman berikutan lahirnya gagasan pemikiran kesusasteraan yang muncul pada abad ke 20. Ia memaparkan idea-idea baharu dalam perkembangan dunia kritikan dan kesusasteraan. Fenomenologi juga timbul akibat daripada desakan penyelidik untuk menginterpretasi sesuatu agar ia kelihatan lebih realistik dan tepat berkenaan dengan kehidupan manusia pada zaman lampau. Kewujudan fenomenologi bermatlamat membangunkan teori fenomena manusia, iaitu menghasilkan kajian yang lebih bersifat empirikal dan makna yang tepat.

Teori ini lahir kerana ketidakpercayaan terhadap aliran positivisme yang dianggap gagal mempertimbangkan nilai dan makna dalam sesuatu hasil kajian.

Justeru, fenomenologi berkembang daripada pola fikir subjek yang bukan hanya melihat suatu objek yang realistik tetapi menggali makna secara mendalam daripada setiap tinggalan budaya yang wujud. Teori ini tercipta untuk memusatkan pembaca kepada pengalaman sebenar. Dalam sisi lain, teori fenomenologi dikaitkan dengan pengalaman harian yang mempengaruhi dan membentuk perlakuan manusia. Proses ini berlaku apabila wujudnya proses mentafsir dan memberikan makna tentang perkara yang mereka alami dalam kehidupan sehari-hari. Fenomena seperti peristiwa, situasi pengalaman, konsep ataupun sesuatu yang kita sedari. Namun, kita tidak memahami.

"Phenomenological approach assume that the author is present in his text encodes form and that his spirit can be revived by an intensive reading of his works" Mario Kalurer (1999:99)

Kenyataan ini menjelaskan kepada kita bahawa Fenomenologi mengajar bagaimana seseorang pembaca atau khalayak berhadapan dengan teks dan kemudiannya melakukan kritikan bagi mengungkapkan sesuatu makna yang terkandung dalam teks tersebut.

1.8.2 Fenomenologi Schutz

Schutz dilahirkan di Vienna pada 13 April 1899, berketurunan golongan kelas pertengahan bangsa Yahudi dan merupakan pelajar dalam bidang undang-undang di Vienna. Pada tahun 1932, Schutz menerbitkan buku yang berkaitan ekonomi, perundangan, sosiologi dan sains politik, antropologi, budaya, mitos dan agama.


Pada abad ke-20, Schutz mengaitkan pemikiran Edmund Husserl ke dalam dunia sains sosial yang dipeloporinya. Beliau mengkaji tentang tingkah laku sosial yang wujud pada zaman dahulu dalam perspektif yang begitu subjektif mengungkapkan sains sosial yang berlaku kepada masyarakat Austria pada masa itu. Selain itu, beliau turut mengajar cara untuk mengenal pasti, mengklasifikasi dan membanding mod tindakan sosial dan interaksi.

Menurut Basrowi (2002:3) "Analisis Fenomenologi memiliki banyak cara pandang melihat suatu fenomena". Petikan ini menjelaskan analisis Fenomenologi berdasarkan kepada fenomena sosial yang berlaku daripada kajian lapangan

sebenarnya banyak membantu penyelidik untuk menganalisis fenomena dan tindakan-tindakan manusia pada masa lampau dan mengaitkannya dengan pengalaman masa kini.

"Fenomenologi Schutz merupakan dimensi pandangan yang baharu dalam proses penelitian dan penggalian makna yang lahir daripada realiti kehidupan manusia sehari-hari. Ia mencetuskan penelitian secara khusus untuk melihat perkembangan ilmu pengetahuan berkaitan sistem sosial masyarakat". Stefanus (2005 : 78)

Berdasarkan kepada petikan tersebut, penyelidik berpendapat bahawa teori Fenomenologi yang diperlopori oleh Schutz menekankan pengalaman praktikal rakyat dalam dunia sosial. Pengalaman praktikal meliputi perkara yang mereka amalkan dalam kehidupan. Dalam kajian yang dilakukan oleh penyelidik, pengalaman praktikal ini dikaitkan dengan *antuka* yang memaparkan budaya masyarakat Iranun di Kota Belud. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Schutz (1982: 70) ;



" this problem parallels the problem of reaching the life-form of the present unfolding of experience (duration) since one can only speak of it by arresting its flow, distinguishing its moments, and thus remembering what has lapsed- but then one is in the new life- form of memory. Although this gap between present duration and memory prompted his turn to Husserlian phenomenology."

Penekanan fenomenologi yang dipelopori oleh Schutz menganggap dunia sosial dibentuk oleh kesedaran terdahulu dan penganti-penggantinya kerana ia bersifat sementara. Ia bertepatan dalam kajian yang dilakukan oleh penyelidik dalam kajian *antuka* untuk menjelaskan hubungan struktur yang lahir daripada tindakan sosial sesuatu masyarakat itu.

Selain itu, petikan di atas mengaitkan bahawa segala perkara yang berlaku dalam kehidupan seharian mempunyai petunjuk yang akan kita ketahui apabila kita melihat dan meneliti dari sudut fenomena tingkah laku sosial manusia berdasarkan kepada subjek yang dikaji. Kerana ia merupakan langkah yang tepat bagi sosiobudaya dalam kelompok etnik yang dikaji. Ini kerana berdasarkan kepada kenyataan tersebut makna dapat dilihat melalui pengalaman yang dilalui oleh sesuatu kelompok etnik. Oleh yang demikian, jika kita hendak mengetahui

maklumat berkenaan sesuatu kelompok etnik, kita hendaklah mengetahui tinggalan tradisi lisan yang mereka amalkan pada masa kini. Ini terbukti dalam *antuka* Iranun Kota Belud yang mana segala maklumat, sejarah dan pengalaman orang Iranun terkandung dalam *antuka*. Ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan dalam *antuka* ini memberikan cara dan kaedah dan penelitian fenomena untuk mengkaji etnik Iranun itu sendiri.

Kenyataan yang sama diulas oleh Mulyana (2008) berkenaan teori Fenomenologi oleh Schutz. Menurut Mulyana (2008: 62), "*Ia merupakan pengetahuan asas yang bersifat pengalaman peribadi kepada individu.* Perkara kedua, berkait dengan pengkategorian yang dibentuk dan diamalkan oleh suatu budaya yang terdiri daripada mitos, pengetahuan budaya dan logik." Oleh yang demikian, kajian sosial merupakan satu usaha untuk mengembangkan model-model dalam sistem konsep dan kerelevannya dengan subjek yang dikaji. Secara keseluruhannya, Fenomenologi Schutz melakukan penelitian ke atas subjek budaya tinggalan masyarakat lampau yang masih kekal pada masa ini untuk melihat kembali apa yang berlaku pada zaman dahulu untuk dilihat pada masa kini.

Kenyataan tersebut memberi penerangan bahawa suatu unsur budaya yang ditinggalkan dalam sesebuah kelompok etnik itu mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan kelompok etnik yang mewarisinya. Ini membawa makna *antuka* mengetengahkan ideologi pemikiran dan nilai budaya yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Iranun itu sendiri. Sehubungan itu, teori Fenomenologi Schutz mampu untuk menganalisis tingkah laku manusia berdasarkan perilaku dan pengalaman masa lampau sesuatu kelompok manusia.

1.9 LOKASI KAJIAN

Kajian dijalankan di Daerah Kota Belud. Daerah ini mempunyai keluasan 1,385.6 km persegi dan terdiri daripada 168 buah kampung. Kampung yang paling ramai didiami oleh masyarakat Iranun adalah Kg Pantai Emas, Liang, Kaguraan, Kota Peladuk, Tamau, Tawadakan, Payas-payas, Marampayan dan Kota Bongan. Lokasi kajian yang dipilih adalah Kg Rampayan Laut, Kg Rampayan Ulu, Kg Pantai Emas dan Kg Payas-payas.